

Roslinda Binti Abdul Razak

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, March 9, 2017 8:52 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: UUM Kukuhkan Kerjasama Akademik Di Peringkat Antarabangsa Dengan Memeterai MoU Bersama NDU, Zimbabwe



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



9 MAC 2017 / 10 JAMADILAKHIR 1438H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

UUM KUKUHKAN KERJASAMA AKADEMIK DI PERINGKAT ANTARABANGSA DENGAN MEMETERAI MoU BERSAMA NDU, ZIMBABWE



UUM ONLINE: Zimbabwe – Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Zimbabwe National Defence University (ZNDU) baru-baru ini telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi mengukuhkan kerjasama akademik antara kedua-dua universiti tersebut.

UUM telah diwakili Naib Canselor, Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak dan NDU diwakili Komandannya, Naib Marsyal Udara, Michael Tedzani Moyo yang mana MoU itu juga bertujuan mengukuhkan kerjasama dalam bidang penyelidikan dan program-program mobiliti.

Naib Canselor berkata, beliau berterima kasih di atas jemputan menyampaikan syarahan di National Defence College (NDC) yang kini sedang dinaik taraf sebagai Universiti Pertahanan Negara dan beliau turut berterima kasih kepada NDC yang membiayai kehadiran beliau ke negara tersebut untuk menyampaikan syarahan itu.

Menurutnya, dalam syarahan itu, beliau berkongsi pandangan mengenai kepentingan pelaburan dalam pendidikan bagi melahirkan pemimpin dan pengurus yang baik dalam organisasi dan negara.

Selain itu, katanya, latihan modal insan juga sangat penting dari semasa ke semasa bagi mentransformasi prestasi diri menjadi lebih baik.

"Lebih penting adalah untuk melatih mereka dengan sewajarnya dari semasa ke semasa dan memberikan latihan yang betul untuk mentransformasi diri kerana peningkatan prestasi adalah melalui latihan yang betul.

"Pada masa sama, saya berterima kasih kepada NDU kerana MoU ini adalah yang pertama bagi UUM menjalin kerjasama dengan universiti dari negara ini," ujarnya.

Naib Canselor berkata, beliau berharap ia menjadi isyarat simbolik untuk bekerjasama lebih erat dengan Zimbabwe melalui pendidikan, khususnya dengan National Defence University.

Sementara itu, Komandan NDU, Michael Moyo berkata, pemeteraian MoU itu adalah satu pencapaian penting antara kedua-dua negara.

Menurutnya, MoU dengan UUM itu memberi peluang kepada mereka untuk meneroka bidang baharu yang NDU sendiri tidak memiliki kepakarannya.

Turut hadir pada majlis menandatangani perjanjian itu adalah Komander Angkatan Tentera, Jeneral Constantino Guvheya Chiwenga; Mejar Jeneral Douglas Nyikayaramba; pegawai tentera kanan, pegawai penjara dan pegawai polis.

Baru-baru ini, Presiden Zimbabwe, Robert Mugabe mengumumkan bahawa NDC kini menjadi universiti kebangsaan sepenuhnya dengan nama baharu, National Defence University yang mana beliau dilantik sebagai Canselor universiti itu.

Pengumuman itu disiarkan dalam Warta Kerajaan oleh Ketua Negeri dan Kerajaan serta Panglima Besar Angkatan Pertahanan Zimbabwe mengikut Seksyen 110 (1) Perlembagaan Negara pada Jumaat lepas.

Presiden Mugabe baru-baru ini berkata, NDU akan menjadi hab pertahanan dan keselamatan negara, memupuk integrasi dan kesedaran pembangunan negara bangsa.

Kursus NDC dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan dari Zimbabwe National Army, Air Force of Zimbabwe, the Zimbabwe Prisons and Correctional Services, jabatan Presiden dan pegawai-pegawai kanan dari sektor lain untuk mengasah kemahiran mereka dalam pertahanan dan perumusan strategi keselamatan negara.

Presiden Mugabe berkata, universiti itu akan diberi mandat untuk menjadi institusi keselamatan dan pertahanan nasional terkemuka berasaskan nilai-nilai dan kepentingan negara Zimbabwe.

Tambahnya lagi, ia juga akan menyediakan program berkualiti yang memupuk penyelidikan dan inovasi yang berterusan untuk bertindak balas secara menyeluruh kepada cabaran dalam dunia pertahanan global dan keselamatan matriks.

<http://www.herald.co.zw/zndu-malaysian-varsity-sign-joint-academic-mou>



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.